



HUBUNGAN SOKONGAN SOSIAL DAN MOTIVASI PELAJAR FIZIK TINGKATAN EMPAT DI BANDAR MERU, IPOH DALAM MENYELESAIKAN MASALAH FIZIK

NUR SYAFIQAH BINTI ISMAIL



**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**





**HUBUNGAN SOKONGAN SOSIAL DAN MOTIVASI
PELAJAR FIZIK TINGKATAN EMPAT DI BANDAR
MERU, IPOH DALAM MENYELESAIKAN
MASALAH FIZIK**

NUR SYAFIQAH BINTI ISMAIL



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (FIZIK)**

**FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



PENGAKUAN

i) Perakuan Pelajar

Saya, Nur Syafiqah binti Ismail (D20191088369) dari Fakulti Sains dan Matematik dengan ini mengaku bahawa disertasi bagi Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan) Fizik Dengan Kepujian yang bertajuk "Hubungan Sokongan Sosial dan Motivasi Pelajar Fizik Tingkatan 4 Di Bandar Meru, Ipoh Dalam Menyelesaikan Masalah Fizik" adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tarikh: 17 Februari 2023


(NUR SYAFIQAH BINTI ISMAIL)

ii) Perakuan Penyelia

Saya, Dr. Anis Diyana binti Halim dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk "Hubungan Sokongan Sosial dan Motivasi Pelajar Fizik Tingkatan 4 Di Bandar Meru, Ipoh Dalam Menyelesaikan Masalah Fizik" dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan) Fizik Dengan Kepujian.

Tarikh: 17 Februari 2023


(DR. ANIS DIYANA BINTI HALIM)



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian ke hadrat Ilahi kerana atas limpah kurnia-Nya, projek akhir tahun ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat ibu, ayah dan ahli keluarga yang lain di atas dorongan kasih sayang dan nasihat yang diberikan sepanjang proses melaksanakan projek akhir tahun ini. Jutaan terima kasih ditujukan khas buat pensyarah penyelia saya, Dr. Anis Diyana binti Halim yang memberikan tunjuk ajar dan dorongan yang tidak ternilai buat saya dalam melaksanakan penulisan ini. Tidak dilupakan juga, rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat di saat saya jatuh dan membantu dalam menyiapkan penulisan ini. Buat Athirah dan Amanina, terima kasih kerana menjadi sumber inspirasi dan sentiasa berada di sisi memberi motivasi dan sokongan dalam meneruskan penulisan bagi projek akhir tahun ini. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Semoga Allah S.W.T membalas jasa kalian semua.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan sokongan sosial dan motivasi pelajar fizik tingkatan empat dalam menyelesaikan masalah fizik di Bandar Meru, Ipoh. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan bagi menjawab persoalan kajian. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 75 orang pelajar fizik tingkatan empat di tiga buah sekolah di Bandar Meru, Ipoh yang dipilih berdasarkan persampelan berkelompok. Data dianalisis menggunakan ujian statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai min, sisihan piawai, kekerapan dan korelasi. Hasil kajian mendapati tahap sokongan sosial yang diberikan kepada pelajar dalam menyelesaikan masalah fizik adalah tinggi ($M=3.8367$, $SP=0.46702$) manakala motivasi pelajar dalam menyelesaikan masalah fizik adalah sederhana ($M=3.6711$, $SP=0.30590$). Terdapat perkaitan hubungan yang positif dan kuat antara sokongan sosial dan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar tingkatan 4 ($p=0.406$). Kajian juga mendapati terdapat perkaitan hubungan yang positif namun sederhana antara motivasi dan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar tingkatan empat ($p=0.390$). Sokongan sosial dan motivasi didapati mempunyai hubungan yang positif dengan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar fizik tingkatan empat di Bandar Meru, Ipoh. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat kepada pelbagai pihak tentang perkaitan antara sokongan sosial, motivasi dan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam usaha meningkatkan kemahiran pelajar tingkatan empat dalam subjek fizik.





ABSTRACT

This study aims to identify the relationship between social support and motivation of form four physics students in solving physics problems in Bandar Meru, Ipoh. This research using survey to answer the research question. Questionnaires has been distribute to 75 of form four physics students in three schools in Bandar Meru, Ipoh who were selected based on cluster sampling. Data were analysed using descriptive statistical tests to obtain mean values, standard deviations, frequencies, and correlations. The results of this study found that the level of social support given to students in solving physics problems was high ($M=3.8367$, $SD=0.46702$) meanwhile the students' motivation in solving physics problems was moderate ($M=3.6711$, $SD=0.30590$). There is a positive and strong relationship between social support and physics problem solving skills among form four students ($p=0.406$). The study found positive but moderate relationship between motivation and physics problem solving skills among form four students ($p=0.390$). Social support and motivation have positive relationships with physics problem-solving skills among form four physics students in Bandar Meru, Ipoh. Therefore, this study expected to give information about the relationship between social support, motivation and solving physics problem skills to improve the mastery of form four students in physics.



KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN



1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	8
1.6	Hipotesis Kajian	9
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	10
1.8	Kepentingan Kajian	12
1.8.1	Pihak Sekolah	
1.8.2	Guru Fizik	
1.8.3	Ibu Bapa	





1.8.4 Pelajar Fizik Tingkatan Empat

1.9	Batasan Kajian	14
1.10	Definisi Operasional	14
1.10.1	Sokongan Sosial	
1.10.2	Motivasi Intrinsik	
1.10.3	Motivasi Ekstrinsik	
1.10.4	Penyelesaian Masalah	
1.11	Penutup	16

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Kemahiran Menyelesaikan Masalah Fizik	18
2.3	Sokongan Sosial Terhadap Pelajar (Emosi, Hubungan, Bahan Pembelajaran)	20
2.4	Motivasi Terhadap Pelajar	23
2.4.1	Motivasi Intrinsik	
2.4.2	Motivasi Ekstrinsik	

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	27
3.3	Populasi dan Sampel	27
3.4	Instrumen	28





3.5	Proses Pengumpulan Data	28
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	30
3.7	Kaedah Menganalisis Data	30
3.8	Rumusan	31

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	32
4.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	33
4.3	Demografi Responden	34
4.4	Tahap Kemahiran Menyelesaikan Masalah Fizik Dalam Kalangan Pelajar Fizik Tingkatan Empat	36
4.5	Tahap Sokongan Sosial Yang Diberikan Kepada Pelajar Dalam Menyelesaikan Masalah Fizik	38
4.6	Tahap Motivasi Pelajar Dalam Menyelesaikan Masalah Fizik	40
4.7	Ujian Normaliti	41
4.8	Hubungan Antara Sokongan Sosial Dengan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Fizik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat	42
4.9	Hubungan Antara Motivasi Dengan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Fizik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat	44
4.10	Kesimpulan	45





BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	47
5.2	Perbincangan Kajian	48
5.3	Implikasi Kajian	52
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	54
5.5	Penutup	55

RUJUKAN	56
----------------	-----------

LAMPIRAN A	SOAL SELIDIK HUBUNGAN SOKONGAN SOSIAL DAN MOTIVASI PELAJAR FIZIK
------------	---



TINGKATAN EMPAT DALAM MENYELESAIKAN MASALAH FIZIK
--

LAMPIRAN B	PENGESAHAN INSTRUMEN KAJIAN
------------	-----------------------------

LAMPIRAN C	KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH
------------	--



**SENARAI JADUAL**

NO.		HALAMAN
	JADUAL	
4.1	Nilai pekali <i>Cronbach's Alpha</i>	33
4.2	Taburan Kekerapan dan Peratusan Jantina	34
4.3	Taburan Kekerapan dan Peratusan Bangsa	35
4.4	Taburan Kekerapan dan Peratusan Gred Mata Pelajaran Fizik Dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2022	35
4.5	Taburan Kekerapan dan Peratusan Tahap Pendidikan Ibu dan Bapa Pelajar	36
4.6	Kemahiran Menyelesaikan Masalah Fizik Dalam Kalangan Pelajar Fizik Tingkatan Empat	37
4.7	Tahap Sokongan Sosial Yang Diberikan Kepada Pelajar Dalam Menyelesaikan Masalah Fizik	38
4.8	Tahap Motivasi Pelajar Dalam Menyelesaikan Masalah Fizik	40
4.9	Ujian Normaliti	41
4.10	Ujian Korelasi Terhadap Sokongan Sosial dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Fizik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat	43





4.11	Ujian Korelasi Terhadap Motivasi Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah Fizik Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat	44
------	---	----





SENARAI RAJAH

NO.		HALAMAN
	RAJAH	
1.1	Kerangka Kajian	10
3.1	Prosedur Pengumpulan Data	28
4.1	Skor Pekali <i>Spearman's rho</i> , ρ	42



**SENARAI SINGKATAN****SINGKATAN****NAMA PENUH**

A-LEVEL

Advanced Level

GCSE

General Certificate of Secondary Education

KPM

Kementerian Pendidikan Malaysia

MASTER

Ijazah Sarjana

PMR

Penilaian Menengah Rendah

SPM

Sijil Pelajaran Malaysia

SPSS

Statistical Package for the Social Science

SRP

Sijil Rendah Pelajaran



STAM

Sijil Tinggi Agama Malaysia

STEM

Science, Technology, Engineering and Mathematics

STPM

Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia

UPSI

Univerisiti Pendidikan Sultan Idris



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pendidikan memainkan peranan penting dalam membangunkan sesebuah negara. Pembangunan sesebuah negara bergantung kepada tahap pendidikan dan kemahiran yang dimiliki oleh rakyatnya. Tidak dinafikan bahawa kebanyakan negara maju adalah berpunca daripada tahap pendidikan yang baik dalam kalangan rakyatnya. Justeru itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dirangka bertujuan untuk menstruktur semula pendidikan di Malaysia agar setaraf dengan negara-negara maju yang lain. Pelan ini juga dilaksanakan untuk merapatkan jurang pendidikan dalam



kalangan rakyat di Malaysia dan meningkatkan kualiti pendidikan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Pelbagai perubahan dalam pendidikan di Malaysia telah dilaksanakan seperti meningkatkan kepentingan dan penguasaan dalam bidang sains khususnya dalam subjek fizik. Fizik merupakan salah satu mata pelajaran dalam bidang sains yang menerapkan perkembangan media dan teknologi serta memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan dan ekonomi dunia (Edmunds, 2008). Menurut Niss (2012), pendidikan fizik dapat memupuk dan membimbing pelajar dalam mengaplikasikan konsep fizik dalam kehidupan seharian. Oleh itu, penguasaan fizik dalam kalangan pelajar dapat membantu menyelesaikan masalah dengan lebih baik.

Analisis yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2020 yang lalu menunjukkan bahawa pencapaian pelajar dalam mata pelajaran fizik menurun berbanding keputusan SPM tahun sebelumnya. Antara punca penurunan bagi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran fizik ialah tahap keupayaan majoriti pelajar untuk menjawab soalan penyelesaian masalah adalah pada tahap yang sederhana iaitu sebanyak 48.89% (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Hal ini menunjukkan bahawa sebilangan besar pelajar mempunyai kurang kemahiran dalam menyelesaikan masalah fizik. Kemahiran menyelesaikan masalah merupakan aspek penting dalam subjek fizik kerana dapat meningkatkan kemahiran menganalisis masalah dan mencari jalan penyelesaian yang sesuai serta keupayaan mengaplikasikan pengetahuan fizik dalam menyelesaikan masalah (Phang, 2009). Pelajar yang boleh meningkatkan penguasaan pengetahuan fizik dapat memahami fizik dengan lebih baik maka mereka dapat mengaplikasikan pengetahuan fizik dalam menyelesaikan masalah. Oleh itu,





penguasaan pengetahuan dalam fizik dapat membantu pelajar untuk menyelesaikan masalah fizik dengan lebih baik.

Sokongan sosial dilihat antara faktor penyumbang untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar. Sokongan sosial merupakan rangkaian sokongan yang boleh didapati daripada individu lain, kumpulan atau komuniti yang besar untuk memberi bantuan psikologi, fizikal dan kewangan (Fatih Ozbay et al., 2007). Selain aspek-aspek kognitif, penguasaan kemahiran penyelesaian masalah fizik turut dipengaruhi oleh aspek-aspek afektif dalam sokongan sosial seperti sokongan emosi, sokongan pendidikan, sokongan hubungan dan sokongan bahan pembelajaran (Adnan Kaus et al., 2017). Menurut Patnani (2015), kemahiran menyelesaikan masalah boleh ditingkatkan dengan menekankan sokongan dan interaksi sosial seperti membuat strategi menyelesaikan masalah, memberi peluang untuk mencari punca masalah dan memberi pertolongan untuk menyelesaikan masalah. Sokongan daripada orang sekeliling dapat memberi semangat untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah fizik. Pelajar yang mendapat sokongan merasakan keupayaan dan kegigihan mereka dihargai maka mereka yakin untuk menyelesaikan masalah fizik (Kruger, 2012). Justeru itu, sokongan sosial turut memainkan peranan dalam membantu pelajar meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah bagi subjek fizik.

Selain itu, motivasi juga merupakan faktor yang menyumbang kepada peningkatan kemahiran menyelesaikan masalah fizik. Motivasi bermaksud keperluan, keinginan dan kemahuan seseorang dalam mencapai sesuatu matlamat. Motivasi juga merupakan proses yang merangsang individu untuk bertindak bagi mencapai matlamat yang diinginkan (Prachi, 2015). Motivasi adalah proses yang memulakan, membimbing



dan mengekalkan tingkah laku berorientasikan matlamat (Kendra, 2022). Motivasi berperanan dalam meningkatkan kesungguhan pelajar untuk menyelesaikan masalah kerana ia memberi semangat kepada pelajar untuk menyelesaikan masalah fizik (Song dan Barbara, 2006).

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam mempelajari subjek fizik, kemahiran penyelesaian masalah adalah penting untuk menguasai subjek fizik dengan baik. Penyelesaian masalah merupakan keupayaan seseorang untuk menghadapi masalah. Penyelesaian masalah juga merupakan proses untuk mengatasi perbezaan pelbagai situasi masalah yang disebabkan oleh beberapa pemboleh ubah (Huitt, 1992). Seseorang individu menggunakan memori, pengetahuan dan pelbagai proses kognitif untuk menyelesaikan masalah (Dunbar, 1998). Strategi yang baik dapat membantu menyelesaikan masalah fizik dengan mengenalpasti masalah dan prinsip yang terlibat.

Kemahiran menyelesaikan masalah merupakan aktiviti yang dapat menggunakan kemahiran berfikir ke tahap yang optimum namun hanya sebilangan pelajar yang mampu menyelesaikan masalah fizik dengan baik (Abdul Halim Abdullah, 2015). Menurut Bhaskara dan Panacharoensawad (2017), pelajar mengalami kesukaran untuk menyelesaikan masalah fizik kerana kurang menguasai pengetahuan dan konsep dalam fizik serta kekurangan bahan pembelajaran dalam menyelesaikan masalah fizik. Kesukaran pelajar untuk menyelesaikan masalah fizik boleh diatasi dengan menekankan sokongan sosial dan motivasi terhadap pelajar dalam menyelesaikan masalah fizik.



Sokongan sosial didefinisikan sebagai sumber rangkaian sosial yang membantu dalam mengendalikan masalah (Kim et al., 2018). Sokongan sosial daripada rakan-rakan, ahli keluarga, guru dan sekolah merupakan antara faktor yang menyumbang kepada pencapaian dalam menyelesaikan masalah (Alsubaie et al., 2019). Terdapat pelbagai cara yang menjadi sokongan sosial pelajar seperti mempunyai pendengar yang empati, membantu dalam menyelesaikan masalah, nasihat dan peneman yang setia (Ramsay et al., 2007). Menurut Burke dan Greenglass (1996), sokongan sosial juga dikategorikan sebagai sokongan emosi, sumber dan instrumental di mana sokongan emosi melibatkan pendengaran, kasih sayang, galakan dan komunikasi terhadap seseorang. Sokongan sumber pula menyediakan bahan-bahan keperluan, wang atau bantuan lain yang bersesuaian untuk membantu seseorang (Malecki & Demaray, 2003).



Walaupun pada dasarnya pelajar menguasai pengetahuan dalam fizik, namun tahap penguasaan pelajar dalam menyelesaikan masalah fizik masih rendah. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti tahap sokongan sosial dan motivasi yang mempengaruhi pelajar dalam menyelesaikan masalah fizik. Hal ini kerana kajian yang dilakukan oleh Horrocks (2021) menunjukkan bahawa sokongan sosial daripada rakan-rakan, keluarga, pihak universiti dapat memberi motivasi kepada pelajar dalam bidang STEM dalam mencapai keputusan akademik yang cemerlang. Maka, kajian ini dirancang untuk menerangkan dengan lebih terperinci tentang aspek-aspek afektif dalam sokongan sosial dan motivasi terhadap pelajar fizik tingkatan empat dalam menyelesaikan masalah fizik.





1.3 Pernyataan Masalah

Penyelesaian masalah adalah satu proses dalam mencari pelbagai jalan yang sesuai untuk menyelesaikan masalah. Penyelesaian masalah merupakan aktiviti yang rumit di mana untuk menyelesaikan masalah, seorang individu itu akan menggunakan memori, pengetahuan dan pelbagai proses kognitif untuk mencapai penyelesaian terhadap suatu masalah (Dunbar, 1998). Penyelesaian masalah merupakan antara aspek yang penting dalam pembelajaran fizik. Hal ini kerana penyelesaian masalah dapat meningkatkan kemahiran untuk mengenalpasti masalah dan mencari jalan penyelesaian yang sesuai serta kemahiran mengaplikasikan konsep dan pengetahuan dalam fizik untuk menyelesaikan masalah (Phang, 2009). Kajian oleh Siti Nursaila Alias dan Faridah Ibrahim (2013) menunjukkan bahawa pelajar menghadapi masalah apabila menjawab soalan berkaitan penyelesaian masalah fizik. Hal ini dibuktikan dalam analisis peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2013 yang mendapati bahawa pelajar Malaysia masih lemah dalam menjawab soalan penyelesaian masalah. (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013).

Sokongan sosial merupakan rangkaian sokongan yang boleh didapati daripada individu lain, kumpulan atau komuniti yang besar untuk memberi bantuan psikologi, fizikal dan kewangan (Fatih Ozbay et al., 2007). Menurut Weiner (1985), sokongan sosial yang diterima meningkatkan motivasi yang diperlukan untuk mencapai kejayaan. Sokongan positif atau negatif yang diterima daripada interaksi individu dengan orang lain memberi kesan terhadap motivasi mereka untuk belajar (Garavandi et al., 2015). Menurut Adnan Kaus et al. (2017), selain aspek-aspek kognitif, penguasaan kemahiran penyelesaian masalah fizik turut dipengaruhi oleh aspek-aspek afektif dalam sokongan sosial seperti sokongan emosi, sokongan pendidikan, sokongan hubungan dan





sokongan bahan pembelajaran. Sokongan emosi terutamanya daripada ibu bapa memberi impak yang positif kepada pelajar terhadap kemahiran menyelesaikan masalah fizik. Motivasi pelajar memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesungguhan pelajar untuk menyelesaikan masalah dan mencapai matlamat. Akhmad (2008) menyatakan bahawa motivasi memainkan peranan penting dalam melahirkan pelajar yang boleh menyelesaikan masalah di mana motivasi meningkatkan semangat pelajar untuk menyelesaikan masalah fizik.

Kajian-kajian lepas menyatakan bahawa sokongan sosial mempengaruhi dalam menyelesaikan masalah. Adnan Kaus et al. (2017) dalam kajiannya menyatakan bahawa sokongan sosial daripada ibu bapa mempengaruhi kemahiran pelajar asrama menyelesaikan masalah fizik. Dorongan emosi daripada ibu bapa membantu kesungguhan pelajar untuk menyelesaikan masalah fizik. Sokongan sosial daripada rakan-rakan, keluarga, pihak universiti dapat memberi motivasi kepada pelajar dalam bidang STEM dalam mencapai keputusan akademik yang cemerlang (Horrocks, 2021). Kelompongan kajian lepas mengenai sokongan sosial dan motivasi dalam menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar sekolah mendorong kajian ini untuk dirancang. Kajian yang telah dilakukan oleh (Horrocks, 2021) menerangkan impak sokongan sosial kepada pelajar dalam bidang Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) terhadap kesejahteraan dan pencapaian akademik mereka. Oleh itu, kajian ini dirancang untuk memfokuskan sokongan sosial dan motivasi terhadap pelajar tingkatan empat dalam menyelesaikan masalah fizik khususnya.

Kesimpulannya, kajian ini dirancang untuk menilai sejauh mana sokongan sosial dan motivasi dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah fizik. Diharapkan kajian ini dapat menjelaskan dengan lebih terperinci sokongan sosial



dan motivasi dalam menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar fizik tingkatan empat khususnya.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan sokongan sosial dan motivasi pelajar fizik tingkatan empat dalam menyelesaikan masalah fizik. Antara objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

1.4.1 Menenalpasti tahap kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar fizik tingkatan empat.

1.4.2 Menenalpasti tahap sokongan sosial yang diberikan kepada pelajar fizik tingkatan empat dalam menyelesaikan masalah fizik.

1.4.3 Menenalpasti tahap motivasi pelajar fizik tingkatan empat dalam menyelesaikan masalah fizik.

1.4.4 Menentukan hubungan sokongan sosial dan motivasi pelajar fizik tingkatan empat dengan kemahiran menyelesaikan masalah fizik.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan. Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

1.5.1 Apakah tahap kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar fizik tingkatan empat?

- 1.5.2** Apakah tahap sokongan sosial yang diberikan kepada pelajar dalam menyelesaikan masalah fizik?
- 1.5.3** Apakah tahap motivasi pelajar dalam menyelesaikan masalah fizik?
- 1.5.4** Apakah hubungan antara sokongan sosial dengan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar tingkatan empat?
- 1.5.5** Apakah hubungan antara motivasi dengan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar tingkatan empat?


1.6 Hipotesis Kajian

Terdapat dua hipotesis kajian yang diuji. Antaranya ialah:

Hipotesis Pertama: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial dengan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar tingkatan empat.

Hipotesis Kedua: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar tingkatan empat.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 Kerangka Kajian

Berdasarkan rajah 1.1 di atas, sokongan sosial dan motivasi menjadi pembolehubah tak bersandar dalam kajian ini. Sokongan sosial merangkumi sokongan emosi, sokongan pendidikan, sokongan hubungan dan sokongan bahan pembelajaran (Adnan Kaus et al., 2017). Menurut Adnan Yousef Atoum dan Rasha Ahmed Al-Shoboul (2018), sokongan emosi merupakan galakan yang diperlukan oleh seseorang individu untuk mendapatkan kesselesaian dan menaikkan semangat semasa waktu-waktu yang sukar. Sokongan pendidikan pula adalah bantuan dan galakan yang diberikan kepada individu untuk meningkatkan pengetahuan serta menekankan kepentingan pendidikan dalam setiap individu. Sokongan bahan pembelajaran merupakan bantuan dari segi bahan-bahan pembelajaran seperti buku, jurnal, video dan sebagainya. Sokongan hubungan pula merupakan bantuan yang diberikan untuk meningkatkan kualiti hubungan antara dua

pihak seperti antara ibu bapa dan pelajar, ibu bapa dan guru, pelajar dan guru serta pelajar dan bahan pembelajaran (Russell, 2020).

Motivasi merupakan satu proses permulaan, membimbing serta mengekalkan tingkah laku berorientasikan matlamat (Kendra, 2022). Motivasi terbahagi kepada dua iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik melibatkan tingkah laku positif, pemahaman dan sikap ingin tahu untuk mencapai matlamat dengan lebih baik (Nuland et al., 2012). Menurut Pierre (2007), motivasi intrinsik melibatkan penerokaan individu terhadap sesuatu matlamat secara spontan demi kepuasan diri. Motivasi intrinsik merupakan keinginan atau semangat yang datang dalam diri individu untuk mencapai matlamat. Motivasi ekstrinsik merupakan motivasi daripada luaran yang merupakan keinginan seseorang individu dalam melakukan sesuatu perkara bagi mendapatkan ganjaran sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologikal (Brown, 2007). Kendra (2022) menyatakan bahawa individu yang mempunyai motivasi ekstrinsik dalam diri lebih cenderung untuk melakukan tugas yang diberikan secara berterusan walaupun dalam keadaan terdesak demi mendapatkan ganjaran yang dijanjikan. Motivasi ekstrinsik juga boleh mewujudkan pencapaian yang positif dalam kalangan pelajar apabila mereka bersungguh-sungguh mencapai matlamat agar mendapat ganjaran. Namun begitu, ganjaran yang diberikan haruslah secara sederhana supaya nilai suatu ganjaran yang diberikan itu lebih bermakna (Rochaun, 2018).

Penyelesaian masalah fizik dijadikan pembolehubah bersandar dalam kajian ini. Penyelesaian masalah merupakan satu proses klinikal yang melibatkan tujuh langkah iaitu mengenalpasti masalah, memahami masalah, merangka strategi penyelesaian, menyusun pengetahuan berkaitan masalah, mengumpulkan sumber bahan, memerhatikan perkembangan penyelesaian dan menyemak penyelesaian yang telah

dilakukan untuk mendapatkan kepastian (Pretz et al., 2003). Responden dijadikan pembolehubah yang dimalarkan untuk mendapatkan dapatan kajian yang homegenus.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi memberikan maklumat kepada pelbagai pihak tentang kepentingan sokongan sosial dan motivasti terhadap pelajar fizik tingkatan empat dalam menyelesaikan masalah fizik. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat dan sebagai panduan dalam bidang pendidikan fizik agar dapat meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar fizik tingkatan empat.

1.8.1 Pihak Sekolah

sokongan sosial yang diperlukan oleh pelajar fizik tingkatan empat terutamanya sokongan bahan pembelajaran. Kajian ini juga memberi maklumat tentang keperluan pihak sekolah dalam membantu pelajar meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam suasana yang lebih kondusif.

1.8.2 Guru Fizik

Kajian ini menumpukan kepada tahap kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Guru memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar agar dapat menguasai subjek fizik dengan lebih baik. Instrumen kajian yang dibangunkan oleh pengkaji boleh dijadikan sebagai

panduan kepada guru untuk mengenalpasti tahap kemahiran menyelesaikan masalah fizik dan motivasi pelajar dalam subjek fizik. Dapatan kajian mendapati suatu anjakan paradigma perlu dilakukan oleh guru fizik dalam kelas bagi membantu pelajar meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah fizik.

1.8.3 Ibu Bapa

Dapatan kajian ini memberikan maklumat kepada ibu bapa untuk mengetahui tahap kemahiran menyelesaikan masalah fizik anak mereka di samping pengaruh sokongan sosial dan motivasi terhadap kemahiran menyelesaikan masalah fizik dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Melalui hasil analisis kajian, kebanyakan ibu bapa amat mementingkan pendidikan anak-anak di sekolah bagi membentuk insan yang berguna pada masa akan datang. Justeru, ibu bapa seharusnya membantu pelajar bersama-sama menyelesaikan masalah fizik di samping memberikan sokongan dan dorongan yang padu terhadap pelajar fizik tingkatan empat agar dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam menyelesaikan masalah fizik.

1.8.4 Pelajar Fizik Tingkatan Empat

Para pelajar dapat mengenalpasti kepentingan sokongan sosial dan motivasi dalam membantu mereka meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah fizik. Kajian ini juga dapat menyedarkan mereka kepentingan mengukuhkan kemahiran menyelesaikan masalah agar dapat menguasai subjek fizik dengan lebih efektif dan bermakna. Kajian ini juga dapat mendedahkan kepada pelajar bahawa terdapat pelbagai sokongan sosial yang boleh mereka terima bagi

membantu mereka dalam meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah fizik.

1.9 Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini meletakkan beberapa batasan untuk mendapatkan kajian yang terperinci dan menyeluruh. Kajian ini menganalisis tentang sokongan sosial dan motivasi dalam kalangan pelajar tingkatan empat dalam menyelesaikan masalah fizik. Kajian ini juga ingin mengkaji pembolehubah sokongan sosial dan motivasi khususnya terhadap pelajar fizik dalam menyelesaikan masalah fizik.

Sampel kajian ini terdiri daripada dalam kalangan pelajar fizik tingkatan empat kerana mereka baru bermula belajar subjek fizik maka data yang lebih jelas dapat diperoleh bagi menentukan pengaruh sokongan sosial dan motivasi dalam menyelesaikan masalah fizik. Pelajar fizik tingkatan empat juga tidak terlibat dengan peperiksaan awam maka hal ini dapat memudahkan proses penyelidikan. Oleh itu, pelajar fizik tingkatan empat merupakan subjek yang paling sesuai untuk dikaji dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini juga hanya dijalankan di kawasan Bandar Meru, Ipoh. Hal ini bagi menjimatkan masa dan kos semasa menjalankan kajian.

1.10 Definisi Operasional

Kajian ini menjelaskan istilah-istilah sokongan sosial dan motivasi pelajar fizik tingkatan empat dalam menyelesaikan masalah fizik agar dapat memberi pemahaman yang lebih jelas dan tepat berdasarkan konteks kajian.

1.10.1 Sokongan sosial

Sokongan sosial merupakan rangkaian sokongan yang boleh didapati daripada individu lain, kumpulan atau komuniti yang besar untuk memberi bantuan psikologi, fizikal dan kewangan (Fatih Ozbay et al., 2007). Sokongan sosial juga merujuk kepada sumber bahan dan psikologi yang diberi oleh rangkaian sosial untuk membantu individu menyelesaikan masalah (Kendra, 2020).

1.10.2 Motivasi Intrinsik

Motivasi intrinsik melibatkan proses motivasi atau semangat yang datang dalam diri seseorang individu. Motivasi intrinsik merupakan kaedah jangka masa panjang yang efektif untuk mencapai matlamat dan menyelesaikan masalah (Sennet, 2021).

1.10.3 Motivasi Ekstrinsik

Motivasi ekstrinsik adalah berpunca dari luaran yang dilakukan untuk mendapatkan ganjaran dan mengelakkan hukuman. Motivasi ekstrinsik adalah kaedah jangka masa pendek yang kurang berkesan kerana matlamatnya boleh disalahtafsir oleh pelajar (Mulvahill, 2018).

1.10.4 Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah merupakan satu proses dalam mencari pelbagai jalan penyelesaian yang sesuai bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Seseorang individu perlu menggunakan memori, pengetahuan dan

pelbagai proses kognitif untuk mencapai matlamat kerana penyelesaian masalah merupakan aktiviti yang sukar (Dunbar, 1998).

1.11 Penutup

Penguasaan kemahiran menyelesaikan masalah amat penting bagi menguasai subjek fizik secara keseluruhannya. Justeru itu, kajian ini dirangka bagi mengenalpasti sama ada sokongan sosial dan motivasi mempengaruhi pelajar dalam menyelesaikan masalah fizik. Sokongan sosial seperti sokongan emosi, hubungan, pendidikan dan bahan pembelajaran mempengaruhi pelajar dalam menyelesaikan masalah fizik.

Penyelidik berharap dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak tentang wujudnya pengaruh sokongan sosial dan motivasi terhadap pelajar fizik tingkatan empat dalam menyelesaikan masalah fizik. Di samping itu, penyelidik berharap agar kajian ini menjadi perintis kepada kajian-kajian akan datang yang memfokuskan sokongan sosial dan motivasi terhadap pelajar dalam menyelesaikan masalah fizik.